



جَبَاتُ خَالِ الْوَالِدِ الْكَامِلِ سَلَامٌ مَكْتَابَةٌ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

01 SYAABAN 1443H / 04 MAC 2022M

### DOS PENGGALAK DAN VAKSIN COVID-19 KANAK-KANAK

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)  
Dengan Kerjasama  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 28/02/2022

PEGAWAI PENYEMAK : .....

**ADAM BIN ABDUL HAJ**  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 28/02/2022

DIBACA PADA : 04/03/2022

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Pentolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH PERTAMA**  
**DOS PENGGALAK DAN VAKSIN COVID-19 KANAK-KANAK**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**DOS PENGGALAK DAN VAKSIN COVID-19 KANAK-KANAK**”.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Islam merupakan agama yang syumul dan memberikan panduan kepada umat manusia sejangat dalam semua aspek kehidupan termasuklah yang berkaitan kesihatan. Allah SWT berfirman di dalam surah al Isra' ayat 82:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

**Maksudnya:** “Dan Kami turunkan dari Al-Qur'an (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman, sedangkan bagi orang yang zalim (Al-Qur'an itu) hanya akan menambah kerugian.”

Sememangnya penyakit dan rawatan tidak dapat dipisahkan kerana setiap penyakit pada dasarnya memerlukan rawatan penyembuhan. Malah kita mendapati al-Quran itu sendiri merupakan penawar kepada pelbagai penyakit yang zahir dan batin. Rasulullah SAW juga pernah melakukan rawatan melihat kepada punca penyakit dan kesesuaian ubatnya. Imam Muslim meriwayatkan daripada Jabir RA bahawa baginda SAW bersabda:

عَنْ جَابِرٍ عَنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ (رواه مسلم)

**Mafhumnya:** “Daripada Jabir, daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda, “setiap penyakit ada ubatnya, maka apabila ubat itu serasi digunakan untuk menyembuhkan sesuatu penyakit, ia akan sembuh dengan izin Allah Azza wa Jalla”. (HR Muslim)

#### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada masa kini terdapat peningkatan jumlah kes jangkitan COVID-19 di Malaysia dan juga di negeri Sabah. Di Sabah jumlah kumulatif kes COVID-19 sejak pandemik COVID-19 melanda Negeri Sabah bermula dari Mac 2020 sehingga 19 Februari 2022 adalah 303,469. Kes pada tahun ini mula menunjukkan peningkatan pada awal bulan Februari dan kes tertinggi 5,565 merupakan rekod baru dilaporkan pada 18 Feb 2022. Apa yang membimbangkan jangkitan COVID-19 turut melibatkan kanak-kanak yang berusia 5 hingga bawah 12 tahun. Sejak pandemik COVID-19 sehingga 19 Februari 2022, seramai 29,554 (atau 9.7%) kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun telah dijangkiti.

Situasi ini amat membimbangkan dan boleh mengancam nyawa kita dan juga anak-anak kita. Keadaan ini akan menjadi lebih buruk disebabkan masih terdapat individu yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Manakala individu yang masih belum menerima vaksin COVID-19 merupakan kumpulan berisiko tinggi mendapat komplikasi yang teruk akibat jangkitan COVID-19.

Selaras dengan prinsip Maqasid al-Syariah, bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan penduduk Malaysia, kerajaan telah mengadakan pemberian vaksin penggalak (*booster*) COVID-19 kepada individu yang telah lengkap

menerima vaksin, bagi meningkat dan mengekalkan perlindungan optimum terhadap jangkitan COVID-19. Suntikan dos penggalak (*booster*) adalah perlu kerana individu yang telah divaksin akan mengalami penurunan imuniti selepas menerima dos lengkap.

#### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Di samping melindungi orang dewasa kita juga perlu melindungi kanak-kanak yang berusia 5 hingga bawah 12 tahun daripada jangkitan COVID-19. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengadakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan untuk anak-anak yang berusia 5 hingga bawah 12 tahun bermula pada 3 Februari 2022. Pemberian vaksin ini adalah untuk melindungi anak-anak kita daripada mengalami sindrom keradangan pelbagai sistem dalam kalangan kanak-kanak yang melibatkan organ seperti jantung, paru-paru, otak, buah pinggang, mata dan kulit, sekali gus menyebabkan anak-anak perlu dimasukkan ke ICU dan boleh menyebabkan kematian.

Sebagai Ibu bapa, kita tidak perlu risau. Kesan sampingan vaksin adalah ringan dan bersifat sementara. Sehingga kini di Sabah hanya 2 kesan sampingan ringan yang dilaporkan daripada 32,047 kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun yang menerima suntikan vaksin Pfizer. Ini menunjukkan vaksin COVID-19 selamat dan berkesan.

#### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-10 tahun 2020 yang dihadiri oleh Ashabus Samahah Mufti-Mufti Negeri dan Pakar dalam pelbagai bidang pada 3 Disember 2020 telah memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah HARUS dan ia WAJIB diambil bagi golongan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Justeri itu marilah kita bersama-sama berganding bahu memerangi wabak ini dengan berikhtiar mendapatkan suntikan vaksin bagi mencapai tahap 80% imuniti kelompok. Dalam masa yang sama terus menjaga SOP yang telah digariskan bagi mengekang penularan COVID-19. Virus ini berjangkit, tidak memilih darjat mahupun keturunan, maka lindungilah diri untuk lindungi semua dengan mengambil dos penggalak dan

membawa anak-anak yang berusia 5 hingga bawah 12 tahun menerima vaksin COVID-19. Marilah kita renungi firman Allah SWT di dalam surah al-Anfal ayat 25:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

**Maksudnya:** “Dan peliharalah dirimu dari siksaan yang tidak hanya menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kamu. Ketahuilah bahwa Allah sangat keras siksaan-Nya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي فَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَفَحَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Dengan Kerjasama  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522142



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.